

Malaysia bukan tempat pengganas berlindung: Najib

BH-1/4/04

Oleh Mohd Azlan Jaafar,
Fazli Abdullah dan
Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak menegaskan kerajaan tidak akan berdiam diri dan membenarkan negara ini menjadi tempat selamat atau sarang perlindungan kepada pengganas atau kegiatan keganasan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan Malaysia melalui pihak berkuasa akan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa yang terbabit dalam keganasan sama ada warga negara ini atau warga asing.

"Ini adalah ketetapan yang kita ambil secara serius. Justeru, kita bersedia mengambil tindakan. Saya memberikan jaminan kita tidak akan membenarkan Malaysia menjadi tempat perlindungan kepada pengganas," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri (JPM), petang semalam.

Beliau ditanya kenyataan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra yang mendakwa rakyat Thailand yang terbabit dalam serangan bom di sebuah pub di Sungai Golok memiliki dua kewarganegaraan dan melarikan diri ke Malaysia.

Dalam kejadian malam Sabtu lalu, 29 termasuk tujuh rakyat Malaysia cedera apabila sebutir bom meletup di pub Top Ten di Lorong Sa Was Dee, Sungai Golok.

Rakyat Malaysia yang parah ialah Mohd Zani Ismail, 25; dan Abdul Shukor Ghani, 40, masing-masing dari Rantau Panjang, Kelantan.

Turut terbabit dalam kejadian itu ialah Nawī Abdul Kadir, 57; Ismail Che Pa, 47; Kamaruzaman Yusof, 39, dari Rantau Panjang, manakala dua lagi ialah Siow Gan Fui, 35, dari Kuala Lumpur dan Toh Kim Peng, dari Terengganu.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, setakat ini pihak berkuasa negara ini belum menerima sebarang maklumat daripada kerajaan Thailand mengenai identiti dua lelaki yang didakwa menyusup masuk ke negara ini selepas melakukan pengeboman itu.

Beliau berkata, sebarang tindakan kerajaan mesti berasaskan maklumat tepat dan terperinci yang dapat diberikan mana-mana pihak.


"Berikutan letupan bom di Sungai Golok, kita masih menunggu maklumat tepat untuk mengambil tindakan. Pada masa sekarang siasatan sedang berjalan dan kita sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa Thailand.

"Kalau dia (kerajaan Thailand) tahu siapa dia, kita sedia bertindak. Kita tak boleh mengambil tindakan tanpa maklumat yang tepat. Kita masih menunggu maklumat konkrit," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan Thailand menghantar senarai pengganas yang mahu diekstradisi ke negara itu, Najib berkata: "Setakat saya tahu tiada. Seperti saya kata jika terbukti mereka terbabit, kita akan bertindak."

Mengenai masalah dua kerakyatan, Najib berkata, ia masalah yang sudah lama wujud.

"Jadi sukar untuk mengenal pasti



NAJIB bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Jemaah Menteri ketika sesi bergambar sempena mesyuarat pertama Kabinet selepas pilihan raya lalu. - Gambar oleh Hasan Ismail

identiti mereka. Kedua-dua negara prihatin masalah itu dan mahu melakukan sesuatu," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia tidak pernah mengiktiraf individu yang memiliki dua kerakyatan.

"Bagi Malaysia, sepatutnya hanya ada satu kerakyatan. Tidak ada siapa boleh memiliki dua kerakyatan me-

ngikut undang-undang negara ini," katanya selepas mesyuarat Kabinet di sini, semalam.

Syed Hamid berkata, kerajaan sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa Thailand bagi menyiasat dakwaan kemungkinan warga negara itu yang terbabit dalam serangan berkenaan turut memegang kerakyatan Malaysia.

"Kita boleh periksa dan sahkan

(isu dua kerakyatan) supaya perkara itu dapat diselesaikan," katanya sambil menambah perdebatan terbuka berhubung isu dua kerakyatan tidak membawa sebarang faedah.

"Kita tidak ada maklumat sekarang. Jika kita terima maklumat betul yang mengesahkan mereka yang terbabit dalam serangan bom itu adalah rakyat Thailand, mereka tidak boleh menjadi rakyat Malaysia," katanya.